



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN
TARIKH	:	24/02/2010
MUKA SURAT	:	S12
JABATAN	:	JPS

Projek tebatan banjir atasi masalah penduduk



● Khasim (tiga, kiri) berpuas hati dengan projek yang dijalankan bagi mengatasi masalah penduduk.

TAMAN KOSAS- Penduduk di Taman Kosas kini boleh menarik nafas lega apabila aduan dan masalah yang menyalubungi penduduk di sini mendapat perhatian beberapa

pihak.

Menurut Ahli Undangan Negeri (ADUN) Lembah Jaya, Khasim Abdul Aziz berkata, penduduk di kawasan tersebut sudah lama berhadapan

dengan masalah banjir, lalu perkara tersebut diambil perhatian oleh pihaknya serta Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan juga Ahli Majlis MPAJ Zon 11,

Haji Abdul Aziz Ahmad bersedia menyelesaikan masalah yang dihadapi penduduk. "Daripada hasil perbincangan dengan beberapa pihak termasuk MPAJ, ke-

putusan mendalamkan longkang terlibat akhirnya dibuat. Pihak kami akan sentiasa melawat dan memantau tapak projek berkenaan," katanya.

Beliau berkata, beliau berpuas hati dengan perjalanan projek serta berharap projek tersebut akan memberikan keselesaan kepada semua penduduk.

"Setakat ini projek tersebut tidak menghadapi sebarang masalah, memandangkan keadaan cuaca yang panas ketika ini. Namun saya juga kluatir jika terjadi hujan lebat, sebab itu saya berharap projek tersebut dapat diselesaikan mengikut jadual," katanya.

Khasim berkata, setelah projek itu siap, masyarakat setempat khususnya penduduk Taman Kosas 3 mendapat keselesaan. Di samping itu, penduduk juga dapat

menjalankan aktiviti riadah bersama ahli keluarga di padang yang terletak berhampiran kawasan tersebut.

"Saya berharap setelah projek tersebut siap secara tidak langsung ia dapat mengatasi masalah banjir di kawasan itu, di samping pengguna padang permainan berhampiran dapat digunakan oleh masyarakat khususnya penduduk Taman Kosas Fasa 3 bagi tujuan beriadah, bersukan dan bersiar-siar bersama keluarga," katanya.